

Melaka terus jadi tumpuan

BH
25/12/16
MIS 2-3

→ Bangunan sejarah aset pelancongan berharga bumi Hang Tuah

Oleh **Zubir Mohd Yunus**
zubir_yunus@bh.com.my

Tidak kira sama ada cuti sekolah atau cuti pada hujung minggu, Bandar Hilir Melaka sentiasa penuh dengan pelancong.

Kelebihan Bandar Raya Melaka Bersejarah kerana memiliki warisan tiga era penjajahan asing iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris, menambat perhatian pelancong tempatan dan asing untuk melihat tinggalan bangunan bersejarah, selain deretan rumah kedai milik peranakan Baba dan Nyonya Melaka berusia ratusan tahun.

Tidak hairanlah Melaka mendapat pengiktirafan sebagai Bandar Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Sekadar mengimbas semula apa yang menarik di negeri Hang Tuah ini, antara destinasi wajib ketika berkunjung ke Melaka ialah Dataran Dutch yang menempatkan binaan kolonial tinggalan Belanda iaitu Bangunan Stadhuis dan Gereja Christ, selain Menara Jam Tan Beng Swee yang dibina pada tahun 1886.

Penulis bersama jurugambar berasakan tiada jemu apabila

sesekali mengunjungi semula tempat menarik di sekitar Bandar Hilir ini.

Warna asal bangunan ditukar

Bangunan Stadhuis bermaksud Dewan Bandaran dibina oleh pemerintah Belanda pada tahun 1650-an. Bangunan setinggi empat tingkat mengikat teres Bukit St Paul dan seluas 14,909 meter persegi ini pernah menjadi pusat pentadbiran Belanda sehingga tahun 1824, selain menempatkan kediaman Gabenor Belanda sehingga di awal kurun ke-18.

Pemerintah Inggeris turut menggunakan bangunan berkenaan sebagai pusat pentadbiran mereka. Stadhuis terus menjadi pusat pentadbiran Melaka sehingga tahun 1979.

Warna asal bangunan yang berwarna putih ditukar kepada merah hati pada tahun 1820-an dan sehingga hari ini, kekal disebut sebagai Bangunan Merah. Walaupun banyak mengalami perubahan sejak diambil-alih oleh British, ciri-ciri seni bina Belanda seperti dinding batu yang tebal dan tingkap serta pintu besar, masih dikekalkan.

Semua tinggalan ini masih dipelihara dengan baik. Kini, Bangunan Stadhuis ditukar peranannya menjadi Muzium Sejarah, Ethnografi dan Sastera.



Bangunan Stadhuys
dan Gereja Christ sentiasa
jadi tumpuan pelancong.

Info

Melaka

→ **Parameswara**, putera raja dari Palembang tiba di tebing sungai, berehat dan bersandar pada sebatang pokok lalu bercadang menjadikan kawasan berkenaan negeri yang diberi nama Melaka bersempena nama pokok tempat bersandar. Pokok Melaka itu masih wujud hingga hari ini dan terletak kira-kira 50 meter dari kota A' Famosa, di kaki Bukit St Paul.

→ **Melaka dikuasai oleh Portugis** di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque pada 24 Ogos 1511. Melaka diperintah oleh Portugis selama 130 tahun.

→ **Porta dalam bahasa Portugis** bermaksud pintu gerbang. Pintu Gerbang Santiago adalah satu daripada empat pintu masuk ke A' Famosa.

→ **Apabila Belanda** mengambil alih pemerintahan Portugis di Melaka pada tahun 1641, mereka menambah baik A' Famosa dan meletakkan lambang VOC iaitu Verenigde Oostindische Compagnie berserta tahun siap dibaiki pada tahun 1670.



Parameswara dikatakan pernah bersandar pada Pokok Melaka.



Perigi Puteri Hang Li Po.



Pemandangan atas Bukit St Paul.




Beca dan Kota A' Famosa
antara ikonik terkenal Bandar
Raya Melaka Bersejarah.





Menelusuri
Sungai Melaka.



Keindahan
Kampung
Morten waktu
senja.

Kota mercu tanda saji pemandangan unik

Selain itu, Gereja Christ yang dibina oleh pemerintah Belanda pada tahun 1753, menjadi lokasi popular dalam kalangan pengunjung untuk aktiviti swafoto (selfie). Gereja ini dibina bagi memperingati hari ulang tahun ke-100 Belanda menjajah Melaka. Ia mengambil masa 12 tahun untuk menyiapkannya.

Apabila Inggeris mengambil alih gereja berkenaan pada tahun 1795, mereka membuat beberapa penambahbaikan apabila peralatan kaji cuaca berbentuk seekor ayam jantan, didirikan di atas menara loceng.

Kota A' Famosa iaitu runtuhan Tugu Pertahanan Portugis

memang menjadi tempat wajib untuk bergambar oleh setiap pelancong. Bagi penulis, runtuhan kota yang dibina oleh Portugis antara mercu tanda Melaka.

Bukit St Paul

Pengunjung juga lazimnya mendaki Bukit St Paul untuk melihat runtuhan gereja tertua di Melaka. Asalnya ia gereja kecil atau chapel yang dibina pada tahun 1521 oleh kapten Portugis, Duarto Coelho sebagai tanda kesyukuran apabila terselamat daripada serangan musuh ketika berperang di Laut China Selatan.

Paderi yang juga mubaligh terkemuka, Francis Xavier

menginap di gereja ini setiap kali beliau melawat Melaka di antara tahun 1545 hingga 1553. Asalnya gereja ini dinamakan Annunciation, namun apabila Belanda menakluk Melaka, ditukar kepada Gereja St Paul, seterusnya dikenali Bukit St Paul.

Apabila berada di puncak Bukit St Paul, Menara Taming Sari yang berperanan sebagai menara tinjau setinggi 110 meter, dapat dilihat sangat jelas. Jika ingin menyaksikan keindahan bandar raya Melaka pada sudut 360 darjah dari Menara Taming Sari yang berputar, ia bakal menyajikan pemandangan yang menakjubkan terutama pada waktu senja.

Panorama indah **Kampung Morten**

Panorama indah Kampung Morten iaitu kampung Melayu tersusun pertama di Melaka dapat disaksikan ketika menelusuri Sungai Melaka pada waktu senja. Ia dinamakan Kampung Morten bersempena nama pegawai Inggeris yang menampilkan idea menyusun penempatan orang Melayu berkenaan.

Terlalu banyak untuk bercerita mengenai Melaka, justeru penulis mencadangkan anda pergi dan rasai sendiri pengalaman menakjubkan ketika melawat Bandar Warisan Dunia itu.

Fakta
nombor

1,650 km
persegi

Keluasan Melaka

1400

tahun Melaka ditemui
oleh Parameswara

110 tahun

usia Kesultanan Melaka

1511

tahun Melaka ditawan Portugis